

ASEAN+3 Regional Economic Outlook 2017 Maklumat Utama

Prospek dan Tantangan Ekonomi

1. Prospek ekonomi bagi rantau ASEAN+3 bertambah baik dengan peningkatan perdagangan dan pelaburan global. Pertumbuhan dijangka sebanyak 5.2 peratus bagi tahun 2017 dan kadar inflasi terkawal walaupun terdapat ketidaktentuan ekonomi global.
2. Pertumbuhan ekonomi bagi dua ekonomi terbesar di rantau, iaitu China dan Jepun kekal stabil dan kukuh. Pasaran baru muncul "*emerging markets*" serantau seperti Korea, ASEAN-5 (Malaysia, Indonesia, Filipina, Singapura dan Thailand) dan Vietnam tetap berdaya tahan disamping ketidakpastian di pasaran kewangan global sementara negara-negara ASEAN yang masih membangun seperti Cambodia, Lao PDR dan Myanmar terus tumbuh dan meraih manfaat dari integrasi serantau.
3. Pertumbuhan akan terus didorong oleh permintaan domestik dengan sokongan dari kenaikan eksport. Ekonomi ASEAN+3 juga akan dapat meraih manfaat dari integrasi perdagangan dan pelaburan serantau.
4. Peningkatan dalam perlindungan perdagangan "*trade protectionism*", keadaan kewangan global yang ketat, kenaikan inflasi, dan ketidaktentuan di pasaran kewangan merupakan risiko bagi prospek pertumbuhan ekonomi global termasuk ekonomi ASEAN+3.
5. Penggubal dasar digalakkan untuk mengutamakan kestabilan kewangan dalam pengimbangan antara pertumbuhan ekonomi dan kestabilan kewangan. Walaupun penamparan rizab pertukaran asing "*foreign exchange (FX) reserve buffers*" dalam ekonomi serantau kekal besar, ruang bagi penggubalan dasar telah mengurang dan ketidakpastian dalam persekitaran dasar global semakin meningkat.

Tema: Rantau ASEAN+3 20 Tahun Selepas Krisis Kewangan Asia (AFC)

6. Krisis Kewangan Asia merupakan satu peristiwa penting yang telah membentuk perspektif penggubal dasar mengenai pengurusan dan penyelesaian krisis, dan juga membawa kepada penubuhan AMRO dan CMIM.
7. Pengajaran dari AFC kekal berharga sehingga ke hari ini, dimana ianya memberi tumpuan kepada risiko dari pasaran kewangan dan aliran keluar modal "*capital outflows*", menekankan kelajuan kontagion dan impaknya antara ekonomi dan juga menekankan keperluan untuk rangka kerja dasar yang lebih fleksibel dan responsif bagi menangani kejutan ekonomi.
8. Dalam dekad pertama selepas AFC (1997 – 2006), ekonomi-ekonomi tergendala di rantau ini membina semula asas-asas untuk pertumbuhan ekonomi melalui peyelarasan dasar termasuk rangka kerja dasar monetari yang lebih berdisiplin dalam menggunakan sistem kadar pertukaran fleksibel, rangka kerja pengawalseliaan yang lebih mantap, mengukuhkan posisi fiskal dan reform bagi sektor-sektor korporat dan kewangan. Ia juga diikuti oleh pembinaan penamparan rizab "*reserve buffers*".

9. Asas dan pengurusan ekonomi yang lebih mantap membolehkan ekonomi ASEAN+3 menghadapi Krisis Kewangan Global (GFC) tanpa impak negatif yang sangat besar. Dalam dekad dari 2007 hingga sekarang, rantau ini mendapat manfaat daripada peningkatan integrasi dalam perdagangan dan pelaburan serta kebolehannya untuk menangani risiko aliran modal global dengan rangka kerja dasar yang lebih responsif.

10. Dengan rangka kerja dasar domestik dan penampakan yang kukuh masing-masing serta peningkatan dalam kerjasama dari segi kewangan "*financial cooperation*" serantau, ekonomi ASEAN+3 boleh meningkatkan daya tahan terhadap kejutan ekonomi dan mengekalkan pertumbuhan yang berterusan.